

UTAMA (/) MENGENAI KAMI (/MENGENAI_KAMI-1) BAKAL PELAJAR (/UPM/BAKAL_PELAJAR-10)
 PELAJAR SEMASA (/UPM/PELAJAR_SEMASA-11) STAF (/UPM/STAF-13) ALUMNI (/UPM/ALUMNI-14)
 PETA LAMAN (/SITEMAP) MAKLUMBALAS (/MAKLUMBALAS)

Carian. BM 

Selamat Datang Ke Laman Portal

Universiti Putra Malaysia



AKADEMIK (/akademik-15) PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2)
 PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19) KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan_kampus-18) PUTRA BAKTI (/putrabakti)

🏠 (/) » BERITA (/BERITA) » UPM JULUNG KALI MENJADI HOS LIGA BESBOL KEBANGSAAN 2023

Entiti Kami

Dokumen

UPM JULUNG KALI MENJADI HOS LIGA BESBOL KEBANGSAAN 2023

Newsletter

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari

Tetapan



SERDANG, 9 Julai - Universiti Putra Malaysia (UPM) buat julung kalinya menjadi hos Liga Besbol Kebangsaan 2023 anjuran Persekutuan Besbol Malaysia dan ia juga merupakan Liga Besbol Kebangsaan pertama sejak penubuhan BMF pada 1998.

DYMM Pemangku Raja Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dalam titahnya berkata meskipun penganjuran Liga Besbol ini merupakan idea yang dianjurkan namun baginda berharap agar program ini tidak terhenti di sini.

"Saya berharap kerjasama berterusan dari semua pihak dalam merencanakan program-program seperti ini dapat diteruskan di masa akan datang menaikkan dan menghasilkan produk-produk sukan besbol berkualiti di arena kebangsaan seterusnya antarabangsa.



"Penglibatan semua Persatuan Negeri amat saya hargai bagi memastikan sukan ini terus diterima oleh semua lapisan masyarakat di Malaysia.," majlis perasmian Aeon Big BubblesO2 Liga Besbol Kebangsaan 2023 di Padang Besbol UPM, di sini, hari ini.

Liga Besbol Kebangsaan 2023 telah bermula pada 10 Jun lalu dan dijalankan selama enam minggu pada setiap Sabtu dan Ahad yang telah disertai orang peserta berusia 20 hingga 30 tahun dari lapan buah negeri iaitu Perlis, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Neg Melaka dan Johor.

Sementara itu, Menteri Belia Dan Sukan, Hannah Yeoh berkata kerjasama dua hala pihak persatuan sukan dan UPM merupakan antara perkara bertukaran kepakaran dan teknikal sukan besbol.



"Kepakaran para ilmuwan di Universiti akan mampu membangunkan sukan besbol secara lebih berstruktur dan berkesan.

"Saya juga telah dimaklumkan bahawa beberapa rundingan telah dijalankan antara pihak BMF dengan UPM bagi penyediaan padang besbol yar Malaysia," katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Akademi Sukan UPM, Prof. Madya Dr. Tajularipin Sulaiman mengulas bahawa pihak UPM terbuka untuk melakukan ko bersama pihak BMF khasnya dalam pembangunan infrastruktur sukan padang besbol bagi kegunaan pemain dan manfaat buat negara.

Keterlibatan UPM sebagai hos dan tuan rumah liga ini secara tidak langsung mencapai matlamat 3 Pelan Strategik UPM 2021-2025 iaitu melesta jaringan industri dan masyarakat selain membantu negara dalam mempromosikan sukan besbol di peringkat domestik dan antarabangsa.

Turut hadir, DYTM Raja Puan Muda Perlis Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil dan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan (PKPP), Prof. Madya Dr. Omrah Hassan @ Hussin. - UPM

Tarikh Input: 10/07/2023 | Kemaskini: 14/07/2023 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fupm_julung_kali_menjadi_hos_liga_besbol_kebang...&title=UPM%20JULUNG%20KALI%20MENJADI%20HOS%20LIGA%20BESBOL%20KEBANGSAAN%202023%20%7C%20Universiti%20... aysia) (/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

HUBUNGI KAMI: Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA. PERKHIDMATAN DALAM TALIAN: Sistem Permohonan ke Luar Negara, Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN), KM Portal, Jawatan Kosong, Sistem Baik Pulih ICT, Putra Learning Hub, Sistem Pengurusan Perubatan, Sistem E-Claim, i-GIMS (staf), i-GIMS (pelajar pascasiswazah), Sistem Maklumat Pelajar. PAUTAN LUAR: Kementerian Pendidikan Malaysia, Keluarga Malaysia, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Multimedia Super Corridor, Portal myGovernment, Agensi Kelayakan Malaysia, UPM Holdings Sdn. Bhd. PAUTAN PANTAS: FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (entiti), Statistik Transaksi Laman Web, Tender & Kontrak, Dasar UPM, Sistem Pengurusan ISO, Dana Wakaf Ilmu, Penerbitan UPM, UPM Flywire, Takwim UPM 2023.

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949)
Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss)
Penafian (/footnote/penafian-29938)
Bantuan (/footnote/bantuan-29937)
UPM online (/footnote/upm_online-38695)
Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2023 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL [Emel anda] HANTAR